



## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN PLATFORM SEMASA PDPT& MASALAH KEMUDAHAN INTERNET: KAJIAN DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA LOGISTIK POLISAS

Liana Abdul Samat

Jabatan Pengajian Am  
Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah, Kuantan Pahang,  
Malaysia  
lyana@polisas.edu.my

**Abstrak:** Pandemik *Covid-19* telah memberi impak yang besar kepada struktur pendidikan seluruh dunia yang menyebabkan peralihan dari pendekatan pendidikan konvensional kepada pendidikan digital. Pengajian secara atas talian, digital atau virtual ditawarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai langkah menangani pandemik ini. Penggunaan platform atas talian memerlukan akses jalur lebar yang tinggi dan ini mengundang masalah dalam pembelajaran dan pengajaran. Konferen video atas talian bersifat synchronous manakala rakaman video adalah asynchronous memerlukan kadar penggunaan data yang tinggi dan membebankan pelajar dari segi kos. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik melalui perantaraan *Google Forms*. Responden kajian ini seramai 36 pelajar Diploma Logistik semester satu Polisas. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai komputer riba dan telefon pintar, manakala jenis platform atas talian yang paling mudah digunakan *Microsoft Teams* serta *Telegram*. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar bersetuju menggunakan platform *Microsoft Teams* serta *Telegram* dan ianya sesuai serta berkesan bagi sesi perkuliahan atas talian. Walaubagaimanapun pelajar menghadapi masalah mendapatkan kemudahan talian akses internet. Pensyarah perlu memilih platform yang sesuai dan mengetahui kestabilan internet semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran atas talian. Semua pihak terutamanya pihak Kementerian Pengajian Tinggi mendapat manfaat dari kajian ini supaya cabaran ini dapat ditangani dengan segera bagi membina pelan kontigensi selaras dengan proses adaptasi pembelajaran atas talian.

**Kata kunci:** persepsi; platform atas talian; digital ; virtual

## 1. Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran di Malaysia yang sebelum ini lebih tertumpu kepada kaedah bersemuka telah beralih arah kepada pembelajaran secara atas talian semenjak pandemik *Covid 19* melanda dunia. Segala aktiviti pembelajaran dan pengajaran atas talian menggunakan sepenuhnya penggunaan teknologi. Melalui pembelajaran dan pengajaran atas talian ini pelajar dapat mempraktikkan penjarakan fizikal seperti yang disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian menjadi satu keperluan yang sangat relevan. Pelbagai cabaran dihadapi oleh warga pendidik dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara atas talian ini. Penggunaan platform atas talian memerlukan akses jalur lebar yang tinggi dan ini mengundang masalah dalam pembelajaran dan pengajaran. Konferen video atas talian bersifat *synchronous* manakala rakaman video adalah *asynchronous* memerlukan kadar penggunaan data yang tinggi dan membebankan pelajar dari segi kewangan. Selain itu, pensyarah perlu memilih platform yang sesuai dan mengetahui kestabilan internet semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Selain itu, sesetengah pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman mempunyai masalah untuk memperoleh kemudahan capaian internet. Ramai pelajar yang berasa terbeban apabila mereka terpaksa membeli data internet bagi membolehkan mereka menghadiri kuliah dalam talian, peperiksaan dalam talian dan juga untuk menghantar tugas. Bagi membolehkan pelajar mengikuti pembelajaran atas talian, ianya memerlukan talian internet yang laju, cepat dan tiada gangguan dan untuk mendapatkannya perlu membayar kos yang agak tinggi. Kajian berkenaan sistem penyampaian pendidikan yang dijalankan oleh Yahaya dan rakan – rakan mendapati kebanyakan pelajar terkesan dengan masalah kewangan bagi membeli alat pembelajaran di rumah.

Selain itu satu kajian lain juga menyatakan kos perbelanjaan pendidikan seperti talian internet menjadi beban kepada pelajar yang tergolong dalam keluarga yang berpendapatan rendah, miskin dan tergolong dalam kalangan B40. Kebanyakan ibu bapa tidak mampu menanggung perbelanjaan kemudahan talian internet tersebut. Ini selari dengan kajian Wan Sofiah yang menyatakan kekangan utama dalam pendidikan anak-anak adalah masalah kewangan.

Satu kajian telah dijalankan ke atas para pelajar Diploma Logistik semester satu Polissas. Kajian ini bertujuan mengkaji berkaitan kemudahan gajet yang dimiliki pelajar seperti telefon pintar dan komputer riba, kemudahan talian akses internet, jenis platform atas talian yang paling mudah digunakan dan keberkesanan platform atas talian bagi kuliah semasa sesi pembelajaran dan pengajaran.

## 2. Metodologi Kajian

Metodologi ialah analisis teori dan sistematik kaedah yang digunakan untuk bidang pengkajian. Ia terdiri daripada analisis teori mengenai kaedah dan prinsip berkenaan dengan pelbagai cabang pengetahuan. Metodologi menawarkan asas teori untuk memahami kaedah, set kaedah, atau amalan terbaik yang boleh digunakan untuk kes tertentu. Ia juga telah ditakrifkan sebagai perihalan kaedah.

Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana instrumen-instrumen yang dilaksanakan menggunakan set soal selidik. Selain itu, kaedah ini dapat membuktikan kesahihan yang kukuh dengan menggunakan angka hasil daripada analisis ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik menggunakan aplikasi *Google Forms*. Terdapat empat skop soalan kajian diberi kepada responden. Bahagian pertama berkenaan kemudahan gajet dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran atas talian. Seterusnya bahagian kedua berkaitan kemudahan talian akses internet. Bahagian ketiga berkaitan jenis platform atas talian yang paling mudah digunakan. Manakala bahagian keempat pula berkenaan keberkesanan platform atas talian bagi sesi kuliah.

Antara faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah aplikasi *Google Forms* ini adalah kerana ia memerlukan tempoh yang singkat untuk menjawab dan penyeliaannya pula adalah senang. Data yang diperolehi daripada aplikasi ini secara automatik menunjukkan frekuensi dan peratus dalam *Responses Google Forms*. Oleh itu, kaedah ini sangat bertepatan sekali kerana ia dapat menjimatkan masa berbanding dengan kaedah-kaedah lain.

**Jadual 1 Kemudahan Gajet dalam Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran atas Talian.**

	Frekuensi dan peratus			
	STS	TS	S	SS
Telefon pintar sahaja	1(2.8%)	5(13.9%)	11(30.6%)	19(52.8%)
Komputer riba / Komputer	1(2.8%)	7(19.4%)	12(33.3%)	16(44.4%)
Telefon pintar & Komputer riba / komputer	1(2.8%)	2(5.6%)	10(27.8%)	23(63.9%)

<sup>1</sup>Nota: STS- Sangat Tidak Setuju, TS – Tidak Setuju, S- Setuju, SS- Sangat Setuju

Jadual 1 melihat kepada aspek kemudahan yang dimiliki oleh pelajar politeknik semestersatu Diploma Pengurusan Logistik seperti kemudahan gajet bagi pembelajaran dan pengajaran atas talian. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 23 orang atau 63.9 peratus mempunyai kemudahan gajet seperti telefon pintar dan komputer riba. Seramai 16 orang pelajar atau 44.4 peratus mempunyai komputer riba sahaja, manakala 19 orang yang lain iaitu 52.8 peratus mempunyai telefon pintar.

**Jadual 2 Kemudahan Talian Akses Internet bagi Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran atas Talian**

	Frekuensi dan peratus			
	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>
Akses internet menggunakan <i>prepaid/pospaid</i>	1(2.8%)	5(13.9%)	14(38.9%)	16(44.4%)
Akses internet menggunakan modem	0(0%)	7(19.4%)	15(41.7%)	14(38.9%)
Tiada akses internet	10(27.8%)	9(25%)	9(25%)	8(22.2%)

<sup>1</sup>Nota: STS- Sangat Tidak Setuju, TS – Tidak Setuju, S- Setuju, SS- Sangat Setuju

Jadual 2 menunjukkan kemudahan talian akses internet bagi aktiviti pembelajaran dan pengajaran atas talian bagi pelajar Diploma Pengurusan Logistik semester satu, Polisas. Seramai 16 orang atau 44.4 peratus mengatakan mereka sangat setuju menggunakan *prepaid* atau *postpaid* bagi akses internet, manakala 15 orang atau 41.7 peratus setuju mengatakan mereka menggunakan modem bagi akses internet. Selain itu, seramai 8 orang atau 22.2 peratus responden mengatakan yang mereka tidak mempunyai akses talian internet langsung bagi pembelajaran atas talian.

**Jadual 3 Jenis Platform Atas Talian Paling Mudah Digunakan**

	Frekuensi dan peratus			
	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>
Jenis platform Atas Talian Paling Mudah Menggunakan <i>Microsoft Teams</i>	1(2.8%)	8(8.3%)	4(11.1)	28(77.8)
Jenis Platform Atas Talian Paling Mudah Menggunakan <i>Google Meet</i>	7(19.4%)	3(8.3%)	9(25%)	17(47.2)
Jenis Platform Atas Talian Paling Mudah Menggunakan <i>Zoom</i>	4(11.1%)	7(19.4%)	7(19.4)	18(50%)
Jenis platform Atas Talian Paling Mudah Menggunakan <i>Telegram</i>	0(0%)	1(2.8%)	4(11.1)	31(86.1)

<sup>1</sup>Nota : STS- Sangat Tidak Setuju, TS – Tidak Setuju , S- Setuju , SS- Sangat Setuju

Jadual 3 berkenaan jenis platform atas talian yang paling mudah digunakan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Seramai 28 orang responden atau 77.8 peratus mengatakan bahawa platform *Microsoft Teams* adalah platform yang mudah digunakan. Selain itu, platform *Telegram* pula menjadi platform atas talian yang paling mudah digunakan dengan persetujuan seramai 31 orang responden iaitu 86.1 peratus. Manakala 18 orang responden atau sebanyak 50 peratus memilih platform *Zoom* antara yang termudah digunakan.

**Jadual 4 Keberkesanan Platform Atas Talian bagi Kuliah**

	Frekuensi dan peratus			
	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>
Keberkesanan Platform Atas Talian bagi Kuliah Menggunakan <i>Microsoft Teams</i>	0(0%)	2(5.6%)	8(22.2%)	26(72.2%)
Keberkesanan Platform Atas Talian bagi Kuliah Menggunakan <i>Google Meet</i>	6(16.7%)	8(22.2%)	8(22.2%)	14(38.9%)
Keberkesanan Platform atas Talian bagi Kuliah Menggunakan <i>Zoom</i>	5(13.9%)	8(22.2%)	5(13.9%)	18(50%)
Keberkesanan Platform atas Talian bagi Kuliah Menggunakan <i>Telegram</i>	1(2.8%)	3(8.3%)	6(16.7%)	26(72.2%)

<sup>1</sup>Nota : STS- Sangat Tidak Setuju, TS – Tidak Setuju , S- Setuju , SS- Sangat Setuju

Jadual 4 berkenaan persepsi pelajar terhadap keberkesanan platform atas talian bagi sesi kuliah dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. Seramai 26 orang responden atau 72.2 peratus mengatakan bahawa menggunakan platform *Microsoft Teams* dan *Telegram* adalah paling berkesan digunakan bagi sesi kuliah dalam pembelajaran dan pengajaran atas talian. Manakala 18 orang responden yang lain atau 50 peratus mengatakan *Zoom* berkesan bagi sesi kuliah secara atas talian.

### 3. Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian jelas menunjukkan 52.8 peratus responden mempunyai telefon pintar dan digunakan dalam pembelajaran atas talian. Seramai 44 peratus responden mempunyai komputer riba atau komputer peribadi. Seramai 63.9 peratus responden mempunyai telefon pintar dan komputer riba.

Selain itu, 44.4 peratus responden menggunakan prepaid atau postpaid untuk mendapatkan capaian liputan internet. Manakala 38.9 peratus responden menggunakan modem untuk liputan internet. Namun begitu, 22 peratus responden yang tidak mempunyai akses internet juga perlu diberi perhatian bagi memastikan setiap pelajar politeknik dapat mengikuti pembelajaran atas talian dan mendapat hak asasi yang sama dalam sistem pendidikan.

Selain itu, dapatan kajian berkaitan penggunaan platform atas talian yang lebih mudah digunakan semasa aktiviti pembelajaran dan pengajaran iaitu 86.1 peratus pelajar mengatakan mereka menggunakan aplikasi *Telegram*, seterusnya 77.8 peratus menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* dalam sesi pembelajaran dan pengajaran atas talian.

Selain itu, pensyarah perlu memilih platform yang sesuai dan mengetahui kestabilan internet semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran atas talian. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Ngadi (2020). Platform *Telegram* juga sangat senang digunakan dalam semua keadaan menghadapi cabaran capaian internet.

Pendapat di atas selari dengan kajian Pusat e-Pembelajaran dan Sumber Pengajaran, Universiti Malaysia Pahang, sekiranya capaian internet rendah, platform seperti *WhatsApp*, *Telegram* dan *Instagram* sesuai dijadikan platform pengajaran dan pembelajaran pelajar. Manakala bagi capaian internet yang tinggi, platform bersemuka seperti *Zoom*, *Microsoft Teams*, dan *Google Meet* sesuai digunakan.

Selain itu, platform *Telegram* antara yang paling sesuai diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kajian Hairia'an (2020). Oleh itu pensyarah perlu membimbing untuk menghasilkan interaksi yang baik seterusnya mengekalkan prestasi akademik serta menjaga emosi pelajar. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Bouhnik & Deshen, 2014.

Di samping itu, menurut Siti Azura (2021) dalam kajiannya beliau setuju pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran dengan pelbagai jenis platform atas talian adalah berkesan untuk melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran. Kaedah ini menyediakan peluang kepada pelajar dengan aktiviti komunikasi dua hala yang lebih baik tanpa mengira faktor masa dan tempat.

#### 4. Kesimpulan

Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai kemudahan gajet seperti telefon pintar serta komputer riba atau komputer peribadi. Manakala responden memilih jenis platform atas talian yang paling mudah digunakan seperti *Microsoft Teams* serta *Telegram*. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pelajar bersetuju menggunakan platform *Microsoft Teams* serta *Telegram* dan ianya sesuai serta berkesan bagi sesi perkuliahan atas talian.

Seterusnya institusi dan tenaga pengajar juga perlu memberi perhatian dan ruang kepada pelajar yang tiada akses internet, dengan mempelbagaikan platform atas talian seperti *Telegram* atau *Microsoft Teams* bagi memastikan pendidikan berterusan dapat diberikan kepada setiap individu pelajar.

Di samping itu, bagi sesetengah pelajar politeknik yang menghadapi masalah untuk mendapatkan capaian liputan internet, pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi mengambil inisiatif dengan memberikan *Bantuan Prihatin* sebanyak RM200 secara one-off kepada semua pelajar IPTA termasuk pelajar politeknik. Dengan bantuan yang diberikan pelajar dapat menggunakannya untuk membeli data internet yang mana harganya menelan kos yang agak tinggi. Selain itu, Menteri Pengajian Tinggi YB Dato' Dr Noraini Ahmad mengumumkan pada 30 Oktober 2021 bahawa komputer riba dan bantuan internet percuma akan diberikan kepada pelajar B40 termasuk pelajar politeknik dan kolej komuniti.

#### Rujukan

- Baskerville, R. (1991). "Risk Analysis as a Source of Professional Knowledge". *Computers & Security*. 10 (8): 749–764.
- Ehwan, N. (2020). Universiti Sains Islam Malaysia, 2020, Covid19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Retrived from <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>.
- Finn, J. D. (1960). *Technology and The Instructional Process*, Audiovisual Communication Review. Vol. 8 (1), New York: Springer. Galbraith, J. (1967). *The New Industrial State*. Boston: Houghton Mifflin.
- Ida Faridah, Febi Ratna Sari, Tri Wahyuningsih, Fitri Putri Oganda & Untung Rahardja (2020). Effect Digital Learning On Student Motivation During Covid 19. The 8th International Conference on Cyber and IT Service, Management
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran, & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.11, Bil. 1, 16-2

- Irny, S.I. and Rose, A.A. (2005) “Designing a Strategic Information Systems Planning Methodology for Malaysian Institutes of Higher Learning (isp- ipt), Issues in Information System, Volume VI, No. 1, 2005.
- Juwairiah Mustapah & Roslinda Rosli. (2021). Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, Volume 6, Issue 4.1-20.
- Nur Hazirah Hairia’an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan(Special Issue),Vol. 9, 2020, 18-28.
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education, 1(1), 77-9
- Nor Hidayati Mokhtar. (2020). Pembelajaran dalam Talian untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat. Retrived from <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untukpembelajaran- sepanjang-hayat/>
- Siti Azura Abu Hassan, Suzana Zainol Abidin & Zulkurnain Hassan. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat, International Journal of Humanities Technology and Civilization(IJHTC), Volume 2 March 2021, Issue 10, 1-13
- Ump News, 2020, Kesan Covid-19 Kepada Pelajar UMP: Satu Kajian Ringkas. Retrived from <http://news.ump.edu.my/experts/kesan-covid-19-kepada-pelajar-ump-satu-kajian-ringkas>
- Wan Sofiah, M.O. (2007). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak-anak Kaum Penan: Kajian Kes Di Hilir Tinjar, Baram, Sarawak. Working paper 14. Faculty of Social Sciences, University Malaysia Sarawak.
- Yahaya, M., Azman, A., Mohamad Yusof, M., Kamarul Bahrin, F., & Md Akhir, N. (2020). Halangan masyarakat dalam sistem penyampaian program pendidikan: satu kajian kes di baling, Kedah. KHIDMAT SOSIAL, Journal of Social Work and Social Service. Volume 1 Nomor 2, 60-75.
- Zalika, A., Faridah, K., & Mohamad Johari, S. (2009). Memperkasakan pendidikan luar bandar, 3–5. Prosiding “Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009”, 3 – 5 Februari 2009, Hotel Beverly, Kota Kinabalu. Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan Dan Pendidikan Sosial, University Malaysia Sabah. Diperoleh dari [http://irep.iium.edu.my/11670/1/Procedng\\_Memperkasakan\\_Pend\\_Luar\\_Bandar.pdf](http://irep.iium.edu.my/11670/1/Procedng_Memperkasakan_Pend_Luar_Bandar.pdf).